

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG
(BATU)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai pesalah yang telah ditangkap oleh pihak Kementerian atas kesalahan tidak mengikut prosedur pelaksanaan GST. Senaraikan mengikut kategori.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 31 Mei 2015, jumlah aduan berkaitan GST yang diterima oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia melalui e-Aduan, GST HelpDesk Kastam di seluruh Negara dan Pusat Panggilan Kastam adalah sebanyak 5,409 aduan. Jenis aduan yang diterima, antara lain, meliputi aduan berkaitan pengesahan layanan GST ke atas

pembekalan, kenaikan harga barang dan perkhidmatan serta isu invoice yang tidak menepati kriteria yang ditetapkan.

Sehingga 18 Mei 2015, sebanyak 4 kertas siasatan telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk dipertuduhkan. Bagaimanapun, hanya 2 kes yang diberi kebenaran untuk dituduh, 1 kes diarah melaksanakan siasatan lanjut dan satu lagi diputuskan tiada kes.

Di peringkat fasa awal pelaksanaan GST, pihak JKDM juga mengambil pendekatan untuk membetulkan semua kesilapan teknikal yang tidak disengajakan. Bagi kes-kes ini sebegini, peniaga diberi penjelasan yang tepat dalam kadar segera serta diberi peringatan dan tempoh untuk memperbaiki kesilapan berkenaan.

Bagi KPDNKK sehingga 31 Mei 2015, sebanyak 52 kertas siasatan telah dihasilkan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011. Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei 2015 adalah seperti berikut:

- i. 5 kes telah selesai di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
- ii. kes yang telah dituduh dan masih belum selesai adalah sebanyak 4 kes

iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan

iii. 3 kes telah ditawarkan kompaun.